

Ucapan Jawapan Y.B. Menteri Pelajaran,
Anche Hussein Onn di-Dewan Ra'ayat Pada
12hb. Mach, 1971.

Ucapan Y. ADHO
411
30/80

Di-dalam titah ucapan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Baginda telah menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan pelajaran:

- (a) Pelajaran ia-lah satu lagi faktor yang penting bagi menjamin kedudukan dan perpaduan negara. Kerajaan ada-lah memberi perhatian yang berat tentang perkara ini;
- (b) Kerajaan akan melaksanakan dengan tegas Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah di-tetapkan dan di-persetujui oleh semua pihak itu;
- (c) Kerajaan akan terus melaksanakan dasar mengenai pendidekan dalam bahasa Malaysia;
- (d) Kerajaan akan terus berusaha hendak menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa resmi dalam arti kata yang sebenar-nya;
- (e) Pada ketika yang sama akan mengekalkan nilai serta 'standard' pelajaran negara, supaya kanak2 negara ini di-lengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mustahak dalam zaman teknologi moden ini;
- (f) Ada-lah menjadi dasar Kerajaan menitek-beratkan pelajaran di-Sekolah2 Menengah di-dalam ilmu pelajaran sains dan teknologi dan mengadakan sekolah2 vokeshen, di-mana penuntut2 yang tiada dapat melanjutkan pelajaran mereka di-dalam aliran akademik dapat di-beri latihan dan kemahiran yang di-perlukan oleh perusahaan.

DYMM menamatkan titah ucapan Baginda dengan titah berikut:

"Matlamat dan rancangan2 bagi tahun2 tujuh pulohan ini menegaskan hasrat Kerajaan memperbaiki lagi

keadaan ekonomi dan memperkokohkan ketenteraman dan perpaduan negara. Kerajaan berazam melaksanakan rancangan2 ini secepat2-nya. Beta menyeru ra'ayat sakalian memberi kerjasama kepada Kerajaan dalam usaha-nya membasmi kemiskinan dan mengujudkan perpaduan negara. Dengan izin Tuhan Yang Maha Kuasa dan dengan ada-nya kerjasama ra'ayat, boleh-lah kita dengan penuh keyakinan memandang masa depan yang lebeh gembira dan chemerlang bagi negara dan ra'ayat".

Tidak kurang pengkritik di-dalam Dewan ini dan di-luar Dewan yang melemparkan berbagai2 tuduhan terhadap Kerajaan 'am-nya dan khusus-nya terhadap Kementerian Pelajaran. Kenyataan ini dengan sendiri-nya menjawab tuduhan2 yang selalu kita dengar bahawa kebebasan bersuara di-negara ini sudah tiada lagi.

Tuan Yang Di-Pertua, di-dalam perbahathan ini beberapa orang Ahli Yang Berhormat di-sebelah sini dan yang berhadapan dengan saya telah membuat banyak keritik terhadap Kementerian saya dan diri saya sendiri. Sa-tengah2 dari keritik2 ini mempunyai tujuan yang jujur; ada yang membena dan ada pula yang tidak membena. Sa-tengah2 daripada pengkritik ini menunjukkan dengan jelas-nya bahawa mereka itu tiada faham langsung kenyataan2 yang sa-benar-nya. Mungkin juga mereka itu degil hendak menerima dan menghargai kenyataan2 tersebut.

Pada 'an-nya sa-setengah daripada keritik ini ada-lah bersabit dengan rasa tidak puas hati tentang kurang chukup bilangan murid2 yang dapat di-tempatkan di-sekolah2, kurang bilangan guru2 dan kurang kemudahan2. Sa-setengah daripada keritik ini menyentoh berkenaan dengan kurang baik-nya keputusan pepereksaan. Keritik2 juga di-lemparkan berkaitan dengan kurang chepat-nya bidang pentadbiran dan pembangunan mengambil tindakan. Tuan Yang Di-Pertua, terdapat juga keritik2 berkenaan dengan apa yang di-katakan kurang keazaman saya serta sikap mudah bertolak ansor saya

(compromising attitude) dalam melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan kita. Saya akan menyentoh keritik2 ini di-dalam jawapan saya kemudian nanti. Tetapi benarkan-lah saya menyatakan perkara berikut terlebih dahulu.

Semenjak kemerdekaan negara kita di-dalam tahun 1957 kemajuan di-dalam bidang pelajaran sangat nyata dan boleh-lah saya katakan besar sekali. Kita boleh saksikan kemajuan ini sa-kira-nya kita bandingkan kemajuan di-dalam bidang ini dengan kemajuan di-dalam bidang yang sama di-negeri2 lain di-rantau ini. Saya jangka tidak perlu bagi saya memberi segala perangkaan untuk meyakinkan Ahli2 Yang Berhormat di-dalam Dewan ini. Ahli2 Yang Berhormat yang faham dan jujur tentu sekali akan yakin. Beberapa perangkaan sahaja harus-lah menchukupi untuk tujuan ini.

MALAYSIA BARAT

	1957	1970 (akhir Disember)
Jumlah Perbelanjaan	\$119,290,239	\$457,469,732
Bilangan Murid:		
Sekolah2 Rendah	993,151	1,421,469
Sekolah2 Menengah	48,235	468,104
Bilangan Sekolah:		
Sekolah2 Rendah	4,272	4,365
Sekolah2 Menengah	148	735
Bilangan Guru:		
Sekolah2 Rendah	32,044	45,066
Sekolah2 Menengah	1,891	18,367
Bilangan Sekolah Teknikal	1	3
Vokeshenal: Sekolah Pertukangan Teknik Rendah	3	11
Bilangan Universiti	1	3 + Universiti Pertanian

Kenyataan2 selanjut-nya ada-lah:

- (a) Semenjak tahun 1957 kita ^{mempunyai} satu sistem pelajaran yang benar2 berchorak kebangsaan. Sa-belum masa itu tidak ada.
- (b) Pelajaran sekolah rendah ada-lah perchuma.
- (c) Kita memperuutokkan pelajaran 'am (universal education) selama 9 tahun ia-itu pelajaran bagi sa-saorang kanak2 sa-hingga umor-nya meningkat 15 tahun. Ini akan menentukan bahawa tiap2 kanak2 berhak untuk mendapatkan pelajaran asas yang akan membantu-nya memainkan peranan penoh pada masa yang akan datang sebagai warganegara negara ini.
- (d) Di-ketika menchapai kemerdekaan kita telah mewarisi dua jenis masharakat. Satu ia-lah masharakat luar bandar yang agak mundor dan kedua masharakat bandar yang agak banyak mendapat keutamaan. Dalam tahun2 yang berikutan-nya kita telah berusaha membena sekolah2 di-kawasan luar bandar dan memberi peluang kapada kanak2 untuk mendapat faedah bukan sahaja dari pelajaran perengkat rendah tetapi juga di-peringkat menengah.
- (e) Kita telah dan akan terus berjalan sejajar dengan perkembangan pelajaran moden. Kita telah dan akan menjamin bahawa kepentingan serta kehendak ekonomi negeri ini di-penohi di-bawah sistem pelajaran ini. Bagi menchapai matalamat ini, kami telah dan akan memperbaiki curricula (sukatan pelajaran) dalam hubongan-nya dengan kemasokan murid2 dengan memberikan satu bidang pelajaran yang membolehkan kita mengeluarkan pekerja2 yang sesuai dan berkelayakan untuk bekerja di-gudang2 perusahaan dan bidang pertanian.

- (f) Kami telah pun dan akan menambahkan lagi bilangan penuntut2 mengikuti pelajaran teknik dan vokeshenal.

Di-ketika ini sudah ada 12 buah sekolah2 vokeshenal. Enam buah lagi sekolah2 vokeshenal akan di-dirikan menjelang tahun 1974 di-Kuala Lumpur, Seremban, Kangar, Alor Star, Kuala Trengganu dan Muar. Sekarang kita dapati 3 buah sekolah teknik. 5 buah lagi akan di-dirikan sebelum 1974 di-Ipoh, Alor Star, Seremban, Melaka dan Johor Bahru.

- (g) Kelas2 Tingkatan VI telah dan akan di-tambah mengikut keperluan dan di-sini kelas2 tersebut telah dan akan di-titek-beratkan dalam pelajaran sains dan teknologi.

- (h) Maktab Teknik Kuala Lumpur, sedang di-perbesarkan lagi. Bilangan penuntut2 yang masuk belajar telah bertambah. Kita juga sedang merancang menukarkan Maktab ini menjadi sa-buah Maktab Teknologi.

- (i) Politeknik Ungku Omar ia-lah politeknik kita yang terbaharu sekali. Sa-baik sahaja Maktab ini dapat mengatasi kesulitan2 pada permulaan-nya kita akan mengeluarkan lebih kurang 750 orang ahli teknik tiap2 tahun menjelang tahun 1973.

- (j) Kita pada masa ini mempunyai 3 buah Universiti - Universiti Malaya yang tertua sekali dan di-kenali, dan Universiti Kebangsaan dan juga Universiti Pulau Pinang yang mana kedua2-nya masih baharu lagi. Dengan ada-nya perkembangan dan pembaikan mutu di-bidang pelajaran menengah dan perengkat maktab, tidak dapat tiada tempat2 akan bertambah di-Universiti kita itu. Kerajaan akan menentukan bahawa tempat2 yang sa-chukup-nya akan di-sediakan di-Universiti kita itu dan ini

ada-lah tertaalok kapada keadaan kewangan dan juga kakitangan yang berkelayakan.

Kerajaan baharu2 ini telah meluluskan penubohan sa-buah Universiti Pertanian. Peranchangan yang bagitu teliti ada-lah sedang di-jalankan dan sadikit masa yang akan datang kita berharap Universiti itu di-tubuhkan. Perengkat pertama mungkin di-tumpukan kapada pelajaran sains pertanian dan selepas itu akan di-tambah pula pelajaran2 kehaiwanan, kehutanan, perikanan dan perlombongan.

14. ~~Semasa menyentoh perkara universiti2, izinkan-lah saya~~
berchakap bahawa universiti2 di-mana sahaja di-dunia ini tidak akan wujud di-dalam kekosongan. Universiti2 kita khusus-nya tidak-lah demikian hal-nya. Saya memang bersetuju dengan konsep kebebasan akademik. Tetapi ada-lah perlu bagi kita mengetahui sepanjang masa bahawa saperti lain2 kebebasan scäl ini tidak-lah **mutlak**. Ia-nya tertaalok kapada penentuan2 yang di-kenakan oleh negara, kewangan dan juga lain2 pertimbangan yang praktikal. Untuk mengekalkan mutu akademik-nya dan menentukan keharuman di-bidang akademik perengkat antarabangsa, ^{sa-} ~~sa-~~ ^{itu} ~~sa-~~ buah universiti/ akan berkehendakkan bantuan kewangan Kerajaan yang bagitu banyak dan di-dalam proses ini ia mesti-lah sepanjang masa memikirkan kehendak2 negara. Dan juga keperluan2 saperti yang di-maksudkan oleh Kerajaan. Dalam hubungan ini sangat-lah mustahak bahawa universiti2 yang tidak bergantung kapada bantuan kewangan Kerajaan mesti juga memikirkan dan sabahagian daripada-nya memenuhi kehendak2 pihak Swasta.

Itu-lah, Tuan Yang Di-Pertua, ringkasan keterangan saya yang agak pendek, tentang kejayaan2 di-dalam bidang pelajaran yang telah di-laksanakan oleh Kerajaan di-dalam masa yang sa-bagitu sengkat semenjak kita mendapat kemerdekaan. Tuan Yang Di-Pertua, Ahli2 Yang Berhormat daripada parti2 pembangkang tentu sekali tidak mengakui bahawa satu daripada perkara2 yang di-nyatakan itu ada-lah kejayaan. Saya tidak mengharapkan penerimaan, mereka itu tetapi ra'ayat mengetahui tentang ada-nya kejayaan2 itu dan Ahli2 Yang Berhormat itu tentu-lah juga mengetahui.

Tuan Yang Di-Pertua, meskipun kita telah menchapai semua kejayaan ini, Kerajaan dan khas-nya saya sendiri sa-bagai Menteri yang bertanggung-jawab atas pelajaran akan tidak sama sekali berpuas hati atau berasa chukup puas dengan kejayaan2 tersebut. Kita akan berusaha dengan sedaya2-nya untok menambahkan lagi kemudahan2 pelajaran di-negara kita ini sa-hingga ka-peringkat yang sa-habis tinggi yang di-perlukan oleh ra'ayat. Kita akan berusaha dan terus berusaha bagi meninggikan lagi mutu pelajaran. Untok menchapai matalamat2 ini kita akan memberi sepenoh perhatian dan tenaga kita.

Sekolah2 kita akan sentiasa terta'alok kapada dua faktor ia-itu kecekapan pelajaran dan memenohi keperluan ekonomi dan sosial. Kita telah dan akan terus menyediakan jenis2 pelajaran yang di-perlukan oleh negara. Kita telah dan akan terus berusaha menjamin mutu pendidekan dan pengajian yang paling tinggi yang boleh, berbanding dengan negeri2 lain. Kita telah dan akan terus mengadakan pembaharuan (innovations) yang perlu di-dalam keadaan mengajar supaya pelajaran yang di-beri bukan sahaja berguna tetapi juga berkesan (efficient) dan mendatangkan hasil yang penoh.

Tuan Yang Di-Pertua, sekarang sampai-lah masa-nya bagi saya menjawab sa-setengah daripada keritik2, komen2 dan pandangan2 yang tertentu yang di-kemukakan oleh Ahli2 Yang Berhormat dalam perbahasan selama ini.

Pertama - keritik2 Ahli Yang Berhormat daripada Dato' Keramat.

(A) Beliau berkata untok membentok satu **masharakat** yang cherdek, terpelajar dan bertimbang-rasa (enlightened, intelligent and tolerant society) sistem pelajaran boleh memainkan peranan yang berkesan. Tetapi malang-nya dasar pelajaran kita ini di-dalam keadaan yang kuchar-kachir. Mengikut-nya lagi penukaran yang sering berlaku di-dalam dasar pelajaran dan tanpa-nya satu sistem yang di-persatukan, tidak mengeluarkan darjah pelajaran yang di-perlukan di-dalam negara kita.

Tuan Yang Di-Pertua, sa-telah membacha dan mengkaji dengan teliti-nya kata2 Ahli Yang Berhormat itu, manakah yang benar? Ada-kah dasar pelajaran kita di-dalam keadaan kuchar-kachir atau pun chara pemikiran, pertimbangan dan fikiran Ahli Yang Berhormat itu di-dalam keadaan yang kuchar-kachir? Nampak-nya yang jelas sekali ia-lah fikiran Ahli Yang Berhormat itu-lah yang di-dalam keadaan kuchar-kachir. Dari segi pelajaran beliau boleh-lah di-maafkan. Juga sangat jelas bahawa Ahli Yang Berhormat itu mempunyai pengetahuan yang samar2 berkenaan dengan perkara ini. Sa-memang tidak ada penukaran, apa tah lagi pula penukaran yang sering berlaku di-dalam dasar pelajaran. Dasar pelajaran kita selang ini telah pun dan maseh lagi sa-bagaimana tertera di-dalam Akta Pelajaran 1961. Saya tidak mengerti apa-kah yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan "tanpa-nya suatu sistem yang di-persatukan (unified system)".

Kita mempunyai satu sistem pelajaran di-Malaysia Barat. Sistem ini berbedza dari sistem di-kedua2 negeri di-Malaysia Timor. Ini di-sebabkan oleh keadaan2 yang luar dari kawalan Kerajaan Pusat ia-itu bersabit dengan perjanjian antara Kerajaan di-antara kedua2 negeri tersebut dengan Kerajaan Pusat.


- (b) Mengikut Ahli Yang Berhormat itu, lebeh daripada 50% penuntut2 yang mengambil peperiksaan LCE tahun sudah telah gagal dan oleh itu beliau menhadangkan di-adakan satu penyiasatan, antara lain, untuk menentukan sama ada sistem pelajaran kebangsaan kita telah gagal atau tidak.

Tuan Yang Di-Pertua, terlebeh dahulu saya ta' tahu dari manakah Ahli Yang Berhormat itu mendapat segala angka2 yang menunjukkan "lebeh dari 50% telah gagal." Peperiksaan LCE di-peringkatkan mengikut gred "A", "B", "C" dan "Gagal". Penuntut2 yang mendapat gred "A" dan "B" hampir2 semua-nya dapat masok ka-Tingkatan IV. Mereka2 yang mendapat gred "C" lulus peperiksaan ini tetapi tidak-lah di-naikkan ka-Tingkatan IV kerana kekurangan tempat.

(B) Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, telah berchakap dengan panas-nya semalam tetapi perchakapan-nya itu chuma memberi sedikit sulohan.

Beliau khusus-nya mengeritik satu aspek ucapan yang saya berikan di-Seminar Perikatan pada 18hb. Februari baharu2 ini. Saya mengaku bahawa ayat yang saya keluarkan di-dalam ucapan itu patutlah di-terangkan dengan sa-jelas2-nya. Saya tahu, dan Ahli Yang Berhormat itu sendiri juga tahu bahawa beliau mahir tentang keterangan2 lanjut dasar pelajaran kita dan perlaksanaan-nya. Beliau juga tahu bahawa kanak2 Darjah I tahun 1970 mengikuti semua matapelajaran di-dalam Bahasa Malaysia dan mereka itu juga seterusnya akan mengikuti semua matapelajaran termasuk sains dan Ilmu Hisab di-dalam Bahasa Malaysia apabila mereka itu sampai ka-Tingkatan V dalam tahun 1980. Pada tahun itu juga ^{mereka} akan mendudoki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi semua mata pelajaran termasuk Sains dan Ilmu Hisab dalam Bahasa Malaysia.

Kanak2 ini akan juga seterusnya mengikuti semua matapelajaran termasuk Sains dan Ilmu Hisab di-tingkatan2 Enam Rendah dan Enam Atas dalam Bahasa Malaysia, dan akan mendudoki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan bagi semua matapelajaran termasuk Sains dan Ilmu Hisab dalam Bahasa Malaysia di-dalam tahun 1982. Oleh itu mulai dari 1983 semua penuntut2 di-semua universiti2 kita akan mengikut semua kursus2 termasuk sains dan ilmu hisab dalam Bahasa Malaysia. Universiti2 kita ada-lah di-kehendaki membuat persediaan2 daripada sekarang.





No Siri	12
No Penerimaan	12/80